

SULIT

www.lamanbahasa.wordpress.com

GERAK GEMPUR SPM

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi soalan 2 (b), soalan 2 (c), soalan 2 (d) dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

1103/2
SULIT

[Lihat halaman sebelah
SULIT
1103/2

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha memupuk perpaduan kaum dan kebaikan perpaduan kaum.** Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Tema sambutan Hari Kemerdekaan Negara ke-51, iaitu Perpaduan Teras Kejayaan membawa mesej bahawa masyarakat yang hidup bersatu padu dapat menjanakan kecemerlangan negara. Sehubungan dengan itu, perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dapat diwujudkan sekiranya rakyat bergaul dan memupuk persefahaman antara kaum. Selain itu, ibu bapa perlulah menerapkan nilai-nilai perpaduan dalam diri anak-anak sejak kecil lagi. Mereka seharusnya menjadi suri teladan kepada anak-anak agar dapat menghayati keistimewaan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada *pelbagai kaum* dan etnik.

Seterusnya, institusi-institusi pendidikan perlu bertanggungjawab menerapkan semangat bersatu padu dalam kalangan pelajar berbilang kaum. Antara langkah yang diambil adalah dengan memberikan kerja-kerja berkumpulan yang ahlinya terdiri daripada pelbagai kaum dalam melaksanakan projek-projek sekolah. Dalam proses menjayakan inisiatif tersebut, guru tidak boleh mencetuskan isu-isu sensitif semasa mengajar. Di samping itu, pelajar-pelajar perlulah belajar dan menghayati sejarah negara agar dapat memahami erti perpaduan rakyat. Oleh itu, pihak kerajaan telah mewajibkan pelajar-pelajar agar lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Selanjutnya, pelaksanaan aktiviti kokurikulum juga dapat memupuk dan mengeratkan hubungan kaum dalam kalangan pelajar dan juga antara sekolah dengan masyarakat. Sesungguhnya, aktiviti-aktiviti kokurikulum membantu pelajar menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang telah dipelajari di dalam bilik darjah.

Pada masa yang sama, rakyat Malaysia hendaklah menghindari sebarang tindakan yang dapat mencetuskan provokasi kaum. Hal ini demikian kerana tindakan-tindakan yang dapat membangkitkan isu perkauman akan mengakibatkan pertelingkahan antara kaum, seterusnya menjejaskan keamanan negara. Masyarakat setempat juga sewajarnya menganjurkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan pelbagai kaum. Antara aktiviti yang dapat dianjurkan seperti bergotong-royong dan menyertai Program Rukun Tetangga. Selain itu, masyarakat juga boleh turut serta menjayakan aktiviti-aktiviti yang diadakan semasa perayaan Bulan Kemerdekaan. Sebagai jentera pentadbiran negara pula, kerajaan perlulah berusaha menerapkan gagasan Satu Malaysia dalam kalangan rakyat.

**1103/2
SULIT****SULIT
1103/2**

Gagasan ini bertujuan mewujudkan sebuah negara bangsa yang terangkum persefahaman dan perpaduan yang utuh dalam kalangan warga Malaysia. Oleh itu, usaha-usaha untuk mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini memerlukan sinergi dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi oleh semua pihak.

Dipetik dan diubah suai daripada
 `Perpaduan Asas Kejayaan`,
 Wadah Siswa, Bil 08/2013

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud *pelbagai kaum*. [2 markah]
- (ii) Pengarang ada menyatakan beberapa aktiviti kemasyarakatan yang dapat mengeratkan perhubungan antara masyarakat pelbagai kaum.
 Nyatakan aktiviti-aktiviti tersebut. [3 markah]
- (iii) Sebagai seorang pemimpin pelajar, apakah usaha-usaha yang boleh anda lakukan untuk menerapkan perpaduan kaum dalam kalangan pelajar di sekolah anda. [4 markah]

1103/2

SULIT

[Lihat halaman sebelah
SULIT

1103/3

Soalan 2(b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SALMAH : Kerana tidak sanggup dikritik, maka kau pun meragui mereka! Betul tak?

CHONG : (*Teragak-agak untuk bercakap*) Tapi....

SALMAH : Kita harus sanggup dan berani menerima kritikan. Bangsa yang maju ialah bangsa yang sanggup berdepan dengan kritikan! Kalau bangsa kita ingin maju, kita harus dan mesti berani, bukan hanya untuk mengkritik tetapi juga untuk dikritik.

CHONG : Ah, kita lupakan sahaja tentang mimpi tu! Kita ni masih pelajar. Kita mempunyai tanggungjawab yang utama terhadap pelajaran. Buat apa susah-susah ambil tahu soal-soal yang bukan tanggungjawab kita? (*Kepada CHANDRAN*) Bagaimana, Chandran?

CHANDRAN : Entahlah. Aku kurang pasti. Kepala aku pening! (*Kepada SALMAH*) Apa pendapat kau, Salmah?

SALMAH : Aku yakin kita perlu buat sesuatu. Sebagai pelajar, memang tanggungjawab kita belajar. Tapi sebagai manusia, sebagai rakyat Malaysia yang cinta akan tanah airnya, kita juga mempunyai tanggungjawab tertentu. Aku fikir kata-kata dua Makhluk Utopia itu tadi ada kebenarannya. Ketepikanlah ego peribadi kita. Cuba *renungkan kembali* peristiwa yang berlaku sebentar tadi!

Dipetik daripada,
drama `Forum Remaja 2020`,
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berikan maksud *renungkan kembali*. [2 markah]

(ii) Dalam dialog drama ini ada menyatakan bahawa remaja harus sanggup dan berani menerima kritikan.

Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri lain yang perlu ada dalam diri seseorang untuk memajukan bangsanya?

[3 markah]

(iii) Huraikan **satu** perwatakan Salmah yang terdapat dalam petikan dan **satu** perwatakan Salmah yang lain dalam keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

1103/2

SULIT

SULIT

1103/2

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutny dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SYAHADAN sudah tentu muafakat mesyuarat berlima bersaudara serta Inderaguru Tujarapok dan panglima dan serta dengan *juak-juak sekalian*, maka naiklah ke darat Opu Daeng yang berlima bersaudara mengkhabarkan telah selesai muafakat saudara-bersaudara mengatakan “Adinda Opu Menambun yang hendak beristeri, jikalau ada ampun serta kurnia.”

Lalu dijawab oleh Sultan, “Pilihlah anak saya yang bertiga.”

Maka disahuti, “Jikalau ada ampun kurnia, itulah paduka anakanda Puteri Kesumba dikahwinkan dengan saudara saya Daeng Menambun.”

Syahadan maka ketika hari yang baik, bekerjalah memulai berjaga-jaga. Lalu beraraklah kahwin. Serta sudah pengantin telah sampai tiga harinya, lalu bekerja pula mandi-manda, serta berarak, kumpulan anak buah sekaliannya seperti orang Bugis dan berserta orang Matan.

Lalu Sultan Muhammad Zainuddin bertitah kepada Opu Daeng yang berlima bersaudara minta langgarkan Panembahan Agung.

Maka bercakaplah sekaliannya orang Bugis serta mengaruk lalu turun ke perahu bersimpan, berkemas, membaiki perahu. Serata sampai tujuh hari, mudiklah di Batangan Pawan Sungai Matan.

Serta sampai ke pangkalan negeri Matan, lalu naiklah ke darat Opu Daeng yang berlima bersaudara serta dengan Inderaguru Tujarapok dan berserta panglima-panglima sekalian, dan serta juak sekalian naik ke darat.

Dipetik daripada ‘Hikayat Opu Daeng Menambun’
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *juak-juak sekalian*? [2 markah]
- (ii) Nyatakan adat perkahwinan yang dijalankan semasa perkahwinan Puteri Kesumba dengan Daeng Menambun. [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Opu Daeng Bersaudara, apakah tindakan yang akan anda ambil untuk memastikan kesepakatan antara mereka dapat dikekalkan? [3 markah]

SULIT

1103/2

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

DI BAWAH LANGIT YANG SAMA

Di bawah langit yang sama
 Kita hirupi udara
 Tanpa mengira Beirutmu
 Ataupun Kuala Lumpurku
 Kita menghirup udara
 Di bawah langit yang sama.

Aku suka gerimis di Kota London
 Pernah terpesona angin dingin-tajam di Washington
 Pohon-pohon hijau atau aneka warna
 tiada bezanya.

Siapa pun menghuni Australia penghuni Afrika
 Kerana di bawah langit ini
 Kita sama.

Aku ingin menyeberangi Laut China Selatan
 Layari Lautan Teduh rentasi Laluan Sutera
 Berkongsi siang miliki malam
 Anyam cinta pelangikan zaman
 Tiupkan harapan senada
 Sesama kita – warga dunia
 Di bawah langitnya
 Yang sama.

Peta-peta itu yang memisahkan
 Jangan tutup pos sempadan
 Visa hanya keperluan rasmi seketika
 Pasport dokumen pengenalan titik mula
 Kita dakapi mimpi tak berbeza
 gapai hasrat
 Lebur kebencian kuburkan sejarah hitam
 Di bawah langit ini yang
 Sama.

Potret Harum Kuntum-kuntum Zaitun, 2006

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*

Dewan Bahasa dan Pustaka

1103/2

SULIT

SULIT**1103/2**

- (i) Nyatakan perkara yang disukai oleh penyajak. [2 *markah*]
- (ii) Suatu masa nanti anda akan menjadi pemimpin negara. Apakah tindakan-tindakan yang akan anda lakukan untuk mewujudkan keamanan di seluruh dunia. [3 *markah*]
- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 *markah*]

1103/2

[*Lihat halaman sebelah*
SULIT]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) diam - diam-diam
- (ii) lama - lama-lama
- (iii) malu - malu-malu

[6 markah]

(b) *Kenal pasti jenis-jenis ayat berikut. Nyatakan sama ada ayat tersebut **ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan atau ayat perintah.***

- (i) Semua pihak bertanggungjawab memartabatkan bahasa Melayu.
- (ii) Usahlah dikenang lagi peristiwa pahit itu supaya hidup awak lebih tenang.
- (iii) Amboi, awalnya awak datang ke sekolah hari ini!
- (iv) Mengapakah awak memilih untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya?
- (v) Minat membaca dalam kalangan kanak-kanak perlu dipupuk sejak kecil lagi.
- (vi) Tolong hantar buku-buku latihan ini ke meja saya.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan.** Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pengendali makanan di restaurant perlu menjaga kebersihan diri dan peralatan memasak untuk mengelakan keracunan makanan.

SULIT**1103/2**

- (ii) Kerajaan mengwartakan hutan simpan di setiap negeri bagi mengekalkan keindahan alam semulajadi di kawasan tersebut.
- (iii) Setiap pekerja yang cermelang perlu berusaha menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang yang diceburkan dari semasa ke semasa.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Majlis Anugerah Kualiti itu diadakan untuk memberi penarafan dan penghargaan kepada guru dan pelajar yang berjaya meningkatkan sekolah prestasi.
- (ii) Antara fungsi hutan adalah untuk memantau kualiti air serta alirannya, di samping menahan tanah dari terhakis dan runtuh.
- (iii) Perpustakaan sekolah merupakan kemudahan yang disediakan untuk semua murid-murid mengulang kaji pelajaran kerana perpustakaan terhindar daripada kekecohan.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud dalam ayat-ayat tersebut.*

- (i) Apabila melakukan sesuatu pekerjaan yang susah, kita hendaklah bersabar dan menyempurnakan pekerjaan itu sehingga berjaya.
- (ii) Keadaan yang sentiasa terancam dan tidak selamat.
- (iii) Mendengar dengan teliti

[6 markah]

1103/2[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd Talib Hassan

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** kepincangan masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Terdapat pelbagai peristiwa menarik yang dapat memikat hati pembaca dalam sesebuah novel.

Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda kaji, jelaskan **tiga** peristiwa menarik dalam novel tersebut.

Berikan alasan anda.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT